

**ISA Masih Relevan Untuk Singapura - TPM Singapura
Bernama
October 19 , 2011**

SINGAPURA, 19 Okt (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Singapura dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Teo Chee Hean memberitahu Parlimen bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) masih relevan kepada republik itu.

Sejak bertahun, beliau menjelaskan bahawa kerajaan telah menggunakan ISA dengan niat baik dan berhati-hati dengan keadaan keselamatan yang dihadapi, bagi memelihara keamanan Singapura dan rakyatnya.

"Singapura sebuah negara kecil yang boleh diancam banyak kuasa besar dan pengaruh yang bersilang di sini. Pelbagai bentuk ancaman boleh menjejaskan keselamatan Singapura.

"Ini termasuk keganasan, subversi, perkauman dan pelampau agama dan pengintipan dan juga ancaman luar jangka yang mungkin timbul pada masa depan," kata Teo yang juga Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Nasional dalam ucapannya di Parlimen.

Bagi masa depan yang dapat dijangka, Teo berkata Singapura memerlukan satu undang-undang yang mengandungi peruntukan seperti yang ada dalam ISA termasuk penahanan pencegahan, bagi memberi kuasa kepada kerajaan untuk menghalang dan mencegah ancaman serius kepada keselamatan republik.

Beliau berkata ketelitian membentuk undang-undang mungkin berkembang mengikut masa dan keadaan.

Tetapi buat masa ini, Teo berkata "ISA merupakan satu perisai yang kita perlukan yang melindungi kita terhadap ancaman-ancaman ini, membenarkan kita untuk menanganinya secara pantas dan berkesan sebelum ia mungkin menyebabkan kerosakan serius dan berkekalan".

Singapura nampaknya menerima tekanan berikutan langkah Malaysia memansuhkan ISA.

Isu berhubung ISA menjadi perdebatan hangat di kalangan rakyat Singapura, ahli akademik yang menyokong pembangkang, individu dan penganalisis, sejak pengumuman oleh Malaysia.

Pada 15 Sept, Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan bahawa kerajaannya akan memansuhkan dua undang-undang kontroversi yang membenarkan penahanan tanpa bicara, ISA dan Ordinan Darurat.

Najib juga mengumumkan kajian secara komprehensif Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 di mana prinsip pembaharuan tahunan akan dihapuskan dan digantikan dengan pengeluaran lesen sehingga dibatalkan dan Seksyen 27 Akta Polis 1967 berhubung kebebasan berhimpun.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=621105>

